

Newspaper

Berita Harian

Date

21 February 2016

# Najib tak mudah tunduk serangan fitnah, tohmahan

40 tahun dalam politik jadikan PM lebih matang berdepan cabaran

Tarikh 21 Februari 1976 adalah bermulanya pembabitan Datuk Seri Najib Razak dalam bidang politik. Pada usia 23 tahun ketika itu, beliau menang kerusi Parlimen Pekan yang kosong, berikutan kematian Tun Abdul Razak Hussein pada 14 Januari 1976. Tidak lama selepas itu, sewaktu pentadbiran Allahyarham Tun Hussien Onn, Najib dilantik sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dan menjadi timbalan menteri paling muda dilantik dalam sejarah pentadbiran negara, pada usia 25 tahun.

Sejarah terus tercatat apabila Najib dilantik sebagai Menteri Besar Pahang pada usia 29 tahun. Dan sepanjang 40 tahun pembabitan Najib dalam bidang politik, beliau menempa pelbagai lagi kejayaan sama ada pada peringkat UMNO mahupun pentadbiran kerajaan. Tidak kira dalam apa juga jawatan dan tanggungjawab yang diamanahkan di bahunya, Najib melaksanakannya dengan cemerlang.

## Rakyat diutamakan

Namun, bukan pencapaian peribadi yang menjadi kebanggaan Najib. Sebagai pemimpin, beliau lebih mementingkan apakah yang boleh disumbangkan lagi kepada pembangunan dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Najib pernah menegaskan, beliau tidak akan mengecewakan ahli UMNO dan rakyat Malaysia dalam menunaikan tanggungjawabnya mentadbir negara. "Semua pemimpin menghadapi cabaran dan apabila dah masuk ke gelanggang, jangan kita keluar di tengah-tengah perlawanan, saya tidak akan berundur, Insya-Allah. Kita akan bergerak maju ke depan." Itulah kata-kata yang terus membakar semangat Najib untuk terus berjuang membawa negara kita maju ke hadapan.

Najib akan berjuang bermati-matian demi mempertahankan perjuangan yang diwarisi pemimpin sebelumnya. "Kalau orang nak hancurkan parti, mestilah serang pemimpinnya. Kalau sudah hilang kepercayaan pada pemimpin, maka mudahlah parti itu tumbang pada bila-bila masa." Itulah yang dirumuskan oleh Najib ketika ada pihak cuba menjatuhkan UMNO.

Sepanjang 40 tahun ini juga, Najib sudah melalui asam garam dan merasai pelbagai

BH - 21/2/2016  
peristiwa pahit manis dan sepak terajang dalam kerjaya politiknya. Keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan tuduhan mengenai dana politik daripada pelbagai pihak, adalah ujian dan dugaan yang terpaksa dilalui Perdana Menteri.

Semua yang dilalui ini memberikan beliau satu pengajaran dan pengalaman tidak ternilai harganya. Benarlah kata orang, pengalaman adalah sebaik-baik guru dan pengalaman seperti inilah yang menjadikan Najib lebih matang dan tenang serta tidak pernah hilang pertimbangan dalam menghadapi pelbagai krisis, dugaan dan cabaran.

## Tabah hadapi fitnah

Itulah sebabnya juga kita semua tidak terkejut bagaimana Najib boleh mengekalkan ketenangan dan kesabaran walaupun berdepan pelbagai tohmahan dan fitnah daripada mereka yang ingin menjatuhkannya. Sifat ketenangan yang dimiliki Najib tidak bermakna beliau kalah, bahkan menggambarkan sifat seorang pemimpin yang hebat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang mengenali Najib sejak 30 tahun lalu adalah orang yang paling layak memberi komen mengenai keperibadian dan kewibawaan Najib sebagai pemimpin.

Menurut Zahid, Najib memiliki kesabaran yang luar biasa dan keistimewaan inilah ditakdirkan Allah kepada beliau untuk berada pada kedudukan sekarang.

Menurut Zahid, "Beliau sabar, tidak nampak gundah langsung walaupun dicabar dengan pelbagai keadaan."

## Semangat kental

Di sebalik ketenangan yang dimiliki Najib, tersimpan semangat waja yang perlu ada pada pemimpin yang hebat. Tidak semua pemimpin boleh bertahan dengan apa yang dilalui oleh Najib. Pasti ramai yang akan mengundurkan diri. Namun, sikap mudah mengalah tidak pernah ada dalam kamusnya. Beliau mempertahankan prinsip berani kerana benar, akan terus berdiri teguh menentang segala tohmahan dan fitnah, yang menjadi agenda pihak yang tidak ingin melihat beliau memimpin negara menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

Inilah masanya rakyat Malaysia bersatu memberi sokongan kepada Najib untuk meneruskan pelbagai program yang akan memberi kesejahteraan kepada rakyat Malaysia. Pembabitan rakyat dan sokongan yang tidak berbelah bahagi pastinya akan membantu usaha Najib meningkatkan pertumbuhan ekonomi seperti yang disasarkan oleh beliau dalam pelbagai program transformasi yang diperkenalkan kepada kita semua.